



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 28 OKTOBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	JABATAN PERIKANAN NASIHAT NELAYAN PANTAI SENTIASA PEKA, NASIONAL, BH -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	CAP QUESTIONS SAFETY OF 30MIL EGGS WHICH MALAYSIAN CONSUME DAILY, NEWS, MAKKAL OSAI -11	LAIN-LAIN
3.	PADI ROSAK LAMA TERENDAM AIR, DALAM NEGERI, UM -32	
4.	PERKASA TVET PERTANIAN DEMI MAKANAN UNTUK RAKYAT, RENCANA, UM -15	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Jabatan Perikanan nasihat nelayan pantai sentiasa peka

Kuala Lumpur: Jabatan Perikanan menasihatkan nelayan pantai mengambil langkah berjaga-jaga dan peka terhadap laporan ramalan cuaca dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dari semasa ke semasa.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd Sufian Sulaiman, berkata ia susulan ramalan MetMalaysia bahawa negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November ini yang membawa banjir pada penghujung bulan berkenaan.

"Justeru, saya berharap nelayan tidak mengabaikan ramalan ini bagi mengelak sebarang risiko berbahaya," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau turut mengingatkan penternak ikan sangkar supaya menangguhkan operasi baharu ternakan ikan ketika monsun timur laut dan mempertimbang untuk menjual ikan yang sudah mencapai saiz pasaran.

Mohd Sufian berkata, penternak juga perlu memantau pro-

jek ternakan lebih kerap bagi menyelamatkan ternakan yang masih ada, memeriksa struktur ban kolam dan mengambil serta menyimpan gambar sistem ternakan kolam atau tangki ikan sebelum, semasa dan selepas kejadian banjir.

"Sekiranya ditimpa banjir, penternak dinasihatkan membuat laporan polis dan mengemukakan laporan kepada Pejabat Perikanan berdekatan serta memakai dan menyediakan peralatan keselamatan secukupnya.

"Penternak juga dinasihatkan sentiasa peka dengan laporan ramalan dan perubahan cuaca melalui pautan www.met.gov.my,

atau menerusi aplikasi myCuaca, media sosial rasmi MetMalaysia dan talian 1-300-22-1638," katanya.

Mohd Sufian berkata, penternak akuakultur juga perlu mengikut arahan Agensi Pengurusan Bencana Negara, sekali gus mengambil langkah lain yang difikirkan perlu. **BERNAMA**



Mohd Sufian Sulaiman

Headline	CAP questions safety of 30mil eggs which Malaysians consume daily		
MediaTitle	Makkal Osai		
Date	28 Oct 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	11	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,885
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,655



மலேசியர்கள் தினந்தோறும் சாப்பிடும் 30 மில்லியன் கோழி முட்டைகள் எவ்வளவு பாதுகாப்பானவை?

● செ.குணாசன்

ஜார்ஜ்டவுன், அக். 28-
மலேசியர்கள் தினந்தோறும் உட்கொள்ளும் 30 மில்லியன் கோழி முட்டைகள் எவ்வளவு பாதுகாப்பானவை என்பதை பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம் அம்பலப்படுத்தி உள்ளது.



கோழி முட்டைகள் உட்கொள்வது குறித்து பயனீட்டாளர்களுக்கு உண்மை தெரிய வேண்டும்.

அண்மையில் சிங்கப்பூர் அதிகாரிகளால் தடை செய்யப்பட்ட பண்ணை முட்டைகள் பற்றிய அறிக்கை, உணவுப் பாதுகாப்பில் மலேசியர்கள் இரண்டாம் தரப் பயனீட்டாளர்களாக மதிப்பிடப்படுவதைக் காட்டுகிறது என பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம் குற்றம் சாட்டியது.

சிங்கப்பூர் தடை செய்த முட்டைகளில் சால்மோனெல்லா என்டெரிடிடிஸ் பாக்டீரியாக்கள் இருப்பது கண்டுபிடிக்கப்பட்டதால் அவை சிங்கப்பூர் சுகாதார அதிகாரிகளால் தடை செய்யப்பட்டதாக சங்கத்தின் தலைவர் முகைதீன் அப்துல் காதர் தெரிவித்தார்.

ஆனால் மலேசியாவில் இந்த முட்டைகள் விற்கப்படுவதில்லை என்றும் பாதிக்கப்பட்ட சில பண்ணைகளிலிருந்து மட்டுமே முட்டைகள்

விற்கப்படுவதாகவும் அதிகாரிகள் கூறுவதை நம்மால் ஏற்றுக்கொள்ள முடியவில்லை.


மலேசியர்கள் தினமும் 30 மில்லியன் முட்டைகளைச் சாப்பிடுவதாக மதிப்பிடப்பட்டாலும் இதுபோன்ற தவறுகளை நமது உள்ளூர் அதிகாரிகளால் ஏன் முன் கூட்டியே கண்டுபிடிக்க முடியவில்லை. இதுவிந்தையாக இருப்பதாக அவர் கூறினார். இப்படிப்பட்ட ஒரு சூழ்நிலையில் பல மலேசியப் பயனீட்டாளர்கள் தங்களை அறியாமலேயே அசுத்தமான முட்டைகளை உட்கொண்டு வருகின்றனர். சால்மோனெல்லா என்டெரிடிடிஸ் என்ற

பாக்டீரியா வயிற்றுப்போக்கு, வயிற்று வலி, காய்ச்சல், குமட்டல், வாந்தியை ஏற்படுத்தும்.

உணவு தொடர்பான ஆபத்துகள், மோசடிகளுக்கு எதிராகப் பொதுமக்களைப் பாதுகாப்பது, பாதுகாப்பான தயாரிப்பு, கையாள்தல், விநியோகம், விற்பனை ஆகியவற்றை மேம்படுத்துவதை நோக்கமாகக் கொண்டுள்ள சட்டங்கள் நடைமுறையில் உள்ளன.

உணவுப் பாதுகாப்பு உற்பத்தியிலிருந்து பயன்பாடு வரை பாதுகாக்கப்பட வேண்டும் என்பதால், பல அமைச்சுகள் இதில் ஈடுபட்டுள்ளன.

அவற்றில் சுகாதார அமைச்சு, விவசாய அமைச்சு, ஊராட்சித்துறை அதிகாரிகள் அடங்குவர்.



Padi rosak lama terendam air

Oleh NOR AINNA HAMZAH
utusannews@medianula.com.my

TAMPIN: Pesawah di Kampung Londah, Gemas, di sini, kecewa apabila tanaman padi yang diusahakan mereka sejak Jun lalu kini rosak selepas terendam dengan air dalam tempoh lama ekoran hujan berterusan sejak seminggu lalu.

Seorang daripada mereka, Azmi Alias, 48, berkata, dia sememangnya menunggu hasil padi seluas 2.1 hektar (ha) yang diusahakannya selepas menyewa tanah sawah tersebut daripada penduduk.

Menurutnya, hasil padi pada musim kali ini sangat baik dan dijangka bagi satu ekar sawah berkenaan boleh mengeluarkan hasil lebih tiga tan.

"Saya memang mewarisi pekerjaan ini dari ibu bapa saya yang menyewa tanah penduduk bagi mengusahakan tanaman padi. Saya tiada tanah sendiri dan selama ini mengambil upah kerja-kerja kampung.

"Apabila lihat lebih separuh daripada tanaman padi rosak disebabkan terendam air terlalu lama, saya kecewa. Saya berharap agar pihak bertanggungjawab dapat memahami masalah kami dan berusaha memastikan sistem saliran air di kawasan ini dapat sentiasa berfungsi dengan baik bagi mengelak padi terendam.

"Padi yang terendam akan menjadi busuk, masam dan kalau berbuah kembali, padinya han-



AZMI Alias menunjukkan tanaman padi yang rosak ketika musim menuai ketika ditemui di Kampung Londah, Gemas, Tampin semalam. - UTUSAN/NOR AINNA HAMZAH.

cur. Bagi tanah sawah ini saya sewa dengan bayaran RM450 bagi satu musim dan sepatutnya saya boleh mendapat pendapatan sekitar RM4,000 bagi satu ekar, namun, kini hampa," katanya ketika ditemui di Kampung Londah, di sini, semalam.

Bagi seorang lagi penduduk, Sarifudin Razali, 63, dia sedih dengan nasib yang menimpa

rakan-rakan pesawahnya yang majoritinya memang menunggu hasil padi setelah tidak mengusahakannya hampir dua tahun disebabkan oleh kerja-kerja menaik taraf saliran. Menurutnya lagi, kebanyakan penduduk juga masih mahu mengekalkan tradisi serta keistimewaan kawasan berkenaan yang masih mempunyai sawah padi serta sanggup men-

gusahkannya dengan menyewa jentera dari Kuala Selangor serta bayaran mengikut ekar.

"Di kampung ini terdapat 65 penduduk mengusahakan sawah padi dengan keluasan 65 ha. Kami tidak sewakan kepada syarikat swasta.

"Kami harap sangat agar pihak berkenaan dapat melihat masalah ini dengan lebih teliti," ujarnya.



Oleh
JESSICA ONG HAI LIOW
& **RABI'ATULADAWYAH**
MD. SALEH

KEHUJAUAN terbentang saujana mata memandang di alam Nusantara ini menurut Moustapha Abbas (2020) telah menjadi kuasa magnet sehingga tanah dan laut kita didatangi dan diteroka oleh pelbagai pihak khususnya kuasa-kuasa besar Eropah, ini termasuk sarjana Russia, N.N. Miklukho Maklai yang mendapat perkenan Sultan Johor ketika itu, Sultan Abu Bakar. Beliau amat berminat meneroka isi alam Melayu ini antaranya botani dan zoologi.

Lebih mengujakan iaitu daripada perkongsian Rosmahwati Ahmad Zakaria (2021) bahawa manuskrip Melayu berkaitan ilmu cucuk tanam ada tersimpan di Russia. Tidak bertamakhin di sini, bidang agro atau pertanian terus sahaja menjadi mauduk utama bagi kuasa Eropah untuk meneroka potensi dan prospek lebih besar dan meyakinkan.

Jerman contohnya, antara kuasa Eropah yang didiamkan dalam arena sejarah kita. Mereka turut meneroka belantara dan meneroka pertanian di alam Nusantara ini. Hampir memajak Pulau Langkawi dengan mengeksport hasil pertanian pada pertengahan abad ke-18.

Gahnya jenama Behn Meyer hari ini adalah hasil kejayaannya sebagai pengedar produk tropika yang dieksport ke negara asal iaitu minyak kelapa, kopra, lada hitam, camphor, rotan, beras dan bijih timah (Shakila Yakob).

Dalam memimpin teknologi dan vokasional, German-Malaysia Institute (GMI) yang ditubuhkan pada 1991 merealisasikan cita-cita Jerman untuk melebarkan teknologinya tanpa sempadan. Selain itu, Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus meraih

Perkasa TVET pertanian demi makanan untuk rakyat



AGENDA pertanian negara terus diperkukuhkan dengan pendekatan baharu agar lebih dinamik, berdaya saing, bercorak komersial, ekonomik dan berteknologi tinggi. - UTUSAN/FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

semangat setia kawan teknologi Jerman.

Sejarah pertanian oleh Jepun di Johor juga tidak kurang menarik. Menurut Kassim Thukinjan (1994), Retsunosuke Kawashima telah memajak kawasan hutan seluas 150,000 ekar di Muar untuk penanaman padi dan tanaman komersial lain.

Sebelum itu pada 1878, sahabat baik Sultan Abu Bakar, Syed Muhammad Alsagoff dikurmiakan tanah di Kukup bagi merealisasikan konsesi Ladang Constantinople untuk penanaman getah, kelapa, koko, sagu, nanas, kopi, gambir dan lada hitam. Ekonomi pertanian yang dipacu dari ladang ini mewarnai gemilang ekonomi Johor Moden sehingga terkenal di seluruh dunia.

Kecekapan dan kebijaksanaan pentadbiran Sultan Abu Bakar dengan kongsi-kongsi Cina dalam penanaman gambir dan lada hitam menerusi surat sungai dalam sistem Kangcu memberikan impak ekonomi lebih besar kepada negeri itu. Kehadiran British selepas

itu lebih tertarik kepada benda dari dalam perut bumi berbanding pepohon menghijau. Bijih timah dan kuasa politik adalah kebertujuan amat luar biasa berbanding pohon-pohon menghijau.

KELUARGA MALAYSIA

Demikian antara ranting-ranting sejarah pertanian negara. Sebut sahaja MAHA, MARDI, RISDA, FAMA, Felda, Felcra, Sime Darby, IOI Plantations dan beribu-ribu lagi jenama agro yang cukup signifikan kepada Keluarga Malaysia, sudah tentu masa depan terhadap sektor ini terbuka luas dan menanti untuk ditentangkan oleh generasi seterusnya.

Fenomena berlaku pada hari ini, pelbagai persepsi tentang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) disampaikan. Antaranya pertanian menjadi pilihan terakhir pelajar, mungkin kerana kita tidak mendedahkan prospek dan potensi bidang berkenaan secara optimum dan cerdas, khususnya dalam meneliti kembali sejarah yang

dikongsikan tadi.

Pemerkasaan TVET pertanian dilihat sangat signifikan bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara dan pembentukan budaya pertanian dalam kalangan masyarakat. Seringkali pandangan skeptikal bahawa bidang pertanian tidak menjanjikan kerjaya stabil dan pulangan pendapatan lumayan.

TVET merupakan satu bidang pendidikan yang telah lama dilaksanakan dalam kalangan negara-negara maju dan terbukti berjaya untuk memperkembang ekonomi dan pembangunan sumber manusia berkemahiran. Amatlah besar harapan tidak timbul lagi prasangka mempelajari TVET menjadikan seseorang berasa rendah diri. Sektor pertanian pula sebagai kerjaya pilihan terakhir. Tidak pasti hala tuju selepas belajar. Itulah stigma yang berlaku kepada golongan pelajar kerana kurangnya pendedahan pilihan kerjaya jika mereka memilih TVET apatah lagi dalam sektor pertanian.

Kejayaan sesebuah

negara sering diukur melalui kemampuan sektor ekonominya. Lebih menguntungkan negara tersebut adalah keupayaan menghasilkan makanan untuk rakyat sendiri dan mampu mengurangkan bergantung kepada pengimportan.

Sektor pertanian sehingga bila-bila masa pun amat penting dan tidak boleh dipinggirkan, apatah lagi ia merupakan penyumbang utama sumber makanan negara. Sehubungan itu, agenda pertanian negara terus diperkukuhkan dengan pendekatan yang baharu agar lebih dinamik, berdaya saing, bercorak komersial, ekonomik dan berteknologi tinggi.

Sektor pertanian kini adalah teras ketiga ekonomi negara seperti mana digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Selain itu, sektor pertanian juga telah pun digariskan sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKUE) bagi Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) (Pemandu, 2011).

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, masih terdapat beberapa isu yang perlu ditambah baik. Ia meliputi akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan program TVET perlu dipandang serius untuk kemajuan pendidikan negara. Ielasnya, TVET dikenal pasti sebagai salah satu daripada 14 pemacu perubahan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12). Ini kerana sudah sampai masa TVET menjadi pilihan utama para belia dalam mempersiapkan diri mereka untuk masa depan seperti mana negara-negara maju lain.

PROFESOR Madya Dr. Jessica Ong Hai Liew ialah Pakar Psikologi Bahasa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) & Fellow Majlis Profesor Negara Rabi'atuladawyah md. Saleh ialah Perancang Bahasa di Dewan Bahasa & Pustaka (DBP).